

04 DEC 2000

MSC-SASARAN

MSC CAPAI KEMAJUAN MENDAHULUI SASARAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) telah mencapai kemajuan jauh mendahului sasarannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita jangkakan masa depan yang cerah bagi teknologi maklumat di Malaysia dan kita pasti MSC akan menjadi satu kejayaan," katanya dalam ucapannya ketika melancarkan perkhidmatan Arcnet dari NTT MSC Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat asing akan mendapati MSC sebagai pusat yang berguna untuk menjalankan penyelidikan serta mengendalikan ujian untuk produk-produk mereka, tambahnya.

Arcnet, satu tanda nama NTT MSC, dimajukan di dalam negeri ini di Cyberjaya dan menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan akses internet dan penyelesaian perniagaan elektronik kepada syarikat multinasional, perusahaan kecil dan sederhana serta individu.

Dr Mahathir berkata Malaysia terhutang budi dengan NTT Communications Corp (syarikat induk NTT MSC) yang merupakan satu daripada penyokong kuat bagi projek MSC.

NTT Communications adalah antara yang terawal yang menyertai MSC dalam menubuhkan pejabat serta pusat penyelidikan dan pembangunannya di Cyberjaya.

Tindakan NTT telah mendorong syarikat-syarikat terkemuka yang lain datang ke Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata syarikat-syarikat besar yang mampu menjalankan penyelidikan mestilah mempunyai penyelesaian yang memudahkan perniagaan mengguna pakai teknologi maklumat.

"Kita lihat semakin banyak seperti ini berlaku, dan di Malaysia kita telah mengeluarkan lesen untuk pembekal-pembekal penyelesaian seperti ini," katanya.

Perdana Menteri berkata NTT adalah antara syarikat asing yang pertama menerima lesen ini dan pembangunan Arcnet akan membantu perniagaan Malaysia berprestasi cemerlang.

Beliau menambah meskipun penggunaan Internet di Malaysia tidaklah sebesar mana buat masa sekarang, kadar pertumbuhannya adalah tinggi - berganda hampir setiap tahun.

Dr Mahathir berkata pada tahun 1996, terdapat 90,000 pengguna Internet di Malaysia tetapi hari ini angka tersebut telah berkembang kepada melebihi satu juta pengguna.

"Saya pasti dengan kadar pertumbuhan ini, mana-mana syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang diperlukan akan meraih keuntungan besar," katanya.

Bercakap pada persidangan akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata terdapat kesan sampingan hasil daripada MSC kerana terdapat beberapa syarikat tempatan yang telah menyumbang kepada pembangunan penggunaan teknologi maklumat.

"Mereka juga telah memajukan sistem-sistem yang boleh diguna pakai di Malaysia," tambahnya.

Buat masa ini, terdapat banyak inkubator di MSC yang telah berjaya dalam mencipta pelbagai perisian komputer dan penyelesaian, termasuklah yang sesuai untuk aplikasi perniagaan.

-- BERNAMA

MK DVS MA